

**"Seminar Pantun Melayu Serumpun", *Temasya Pantun Melayu Serumpun*, Institut Seni Malaysia Melaka (ISMMA), Sempena Bulan Bahasa Kebangsaan dan Sambutan 750 Tahun Melaka
Melaka, Malaysia, Kamis, 18 Oktober 2012**

KEPIMPINAN DAN JATI DIRI DALAM PANTUN MELAYU

oleh:

Datuk Drs. Haji Abdul Malik, M.Pd.

Universitas Maritim Raja Ali Haji
Tanjungpinang, Kepulauan Riau, Indonesia

MELAKA, MALAYSIA

2012

KEPIMPINAN DAN JATI DIRI DALAM PANTUN MELAYU

Datuk Drs. Haji Abdul Malik, M.Pd.
Universitas Maritim Raja Ali Haji
Tanjungpinang, Kepulauan Riau, Indonesia

1. Pendahuluan

Di kalangan bangsa dan masyarakat Melayu **pantun** merupakan *genre* yang paling digemari dari semenjak dahulu sampai setakat ini. Para peminat dan penikmatnya tak kira umur, status sosial, suku, dan agama. Untuk pelbagai aktiviti, pantun terus digunakan dan diciptakan orang. Salah satu daya tarik pantun adalah bentuknya yang ringkas, isinya yang terbuka untuk semua jenis dan peringkat persoalan (dari yang ringan-ringannya sampai yang paling berat sekalipun), dan persajakannya yang indah; membuat pantun memiliki daya pikat lebih. Apalagi, untuk menghasilkan sampiran (pembayang) dan isi yang serasi memang diperlukan kreativiti berpikir dan kemampuan berbahasa yang mencabar (menantang). Akal dan budi harus dibancuh sedemikian rupa sehingga menghasilkan adonan yang bersehati (Abdul Malik, 2011:6).

Setelah membaca pantun-pantun yang dihimpun oleh Haji Ibrahim Datuk Kaya Muda, seorang penulis yang sangat produktif di Kesultanan Riau-Lingga pada kurun ke-19, dapatlah kita ketahui daya tarik lain pada pantun. Pantun merupakan gubahan yang menggunakan bahasa Melayu tinggi dalam tradisi Melayu. Pantun juga dihargai sebagai karya yang bernilai tinggi (Abdul Malik, 2011:1).

Selain itu, pantun juga memiliki aneka fungsi di dalam kehidupan orang Melayu. Di antara fungsinya itu adalah menjadi sarana atau alat untuk mendidik, mewariskan adat-istiadat, mengembangkan nilai-nilai budaya, menyerlahkan jati diri, mengajarkan falsafah hidup, mempertinggi budi pekerti, mengembangkan bahasa, dan menghibur. Oleh itu, pantun sebagai hasil kesusteraan tradisional Melayu tak hanya indah, tetapi juga bermanfaat dalam kehidupan. Tak heranlah kita bahawa sampai setakat ini pantun tetap diciptakan orang. Bahkan, di kalangan masyarakat Melayu kemahiran berpantun—menciptakan dan menggunakannya untuk pelbagai keperluan—dapat menjadikan seseorang terkenal dan atau terpancang di dalam masyarakat.

Kerana memiliki pelbagai fungsi, pantun pastilah juga memuat perkara-perkara yang berhubung dengan jati diri dan kepimpinan Melayu. Makalah ini berupaya mendedahkan perkara

itu sehingga diharapkan dapat dijadikan sebagai salah satu pedoman dalam memahami kepemimpinan Melayu.

Data pantun yang digunakan di dalam makalah ini berasal daripada sumber tertulis dan sumber lisan. Sumber tertulis diambil dari buku *Perhimpunan Pantun Melayu* karya Haji Ibrahim Datuk Kaya Muda yang diterbitkan pada 1877. Sumber lisan berupa pantun-pantun pusaka yang masih digunakan oleh masyarakat Melayu di Kepulauan Riau, tetapi belum dihimpun di dalam sesebuah buku pun.

Jati diri kepemimpinan Melayu pula dirujuk kepada dua karya Raja Ali Haji (1808—1873). Penulis dan cendekiawan yang amat terkenal di dunia Melayu itu telah menghasilkan dua buah karya tentang selok-belok ilmu politik, pemerintahan, dan hukum. Kedua karya beliau itu ialah *Muqaddima Fi Intizam* dan *Tsamarat al-Muhimmah*.

Tinjauan terhadap jati diri dan kepemimpinan Melayu itu tak hanya dilihat di dalam pantun. Dalam hal ini, sesuai dengan keperluannya dirujuk juga syair dan *Gurindam Dua Belas* karya Raja Ali Haji. Syair dan gurindam itu juga dirujuk untuk memantapkan pembahasan yang berkenaan dengan persoalan yang dibahas di dalam makalah ini.

2. Muqaddima Fi Intizam

Muqaddima Fi Intizam (selanjutnya disingkat MFI) lengkapnya berjudul *Muqaddima Fi Intizam al-Wazhaif al-Mulk Khususan ila Maulana wa Shahibina wa Akhina Yang Dipertuan Muda Raja Ali al-Mudabbir li al-Biladi al-Riauwyah wa Sairi Da-iratihi*. Buku ini merupakan risalah yang pendek, tetapi lengkap. Naskahnya dicetak di Pejabat Kerajaan Lingga pada 1304 Hijriyah bersamaan dengan 1887 Masehi, lebih kurang 14 tahun setelah penulisnya, Raja Ali Haji ibni Raja Ahmad Engku Haji Tua ibni Raja Haji Fisabilillah, wafat. Karya pelopor atau perintis di bidang ilmu pemerintahan Melayu ini isinya hanya 18 halaman.

Buku ini memerikan pedoman pemerintahan dan pentadbiran negeri bagi seorang raja atau pemimpin Melayu-Islam. Isinya terdiri atas pengantar dan tiga wazifah (tugas/fungsi) yang dianjurkan bagi pemimpin negeri.

2.1 Pengantar

Pada bagian pengantarnya Raja Ali Haji menegaskan maksud berdirinya sebuah kerajaan itu ada dua jalan. Pertama, memelihara segala hamba Allah dan seluruh rakyat, yang pertimbangan kesalahan dan kebenarannya harus merujuk kepada syariat Rasulullah s.a.w. Kedua, jika hal itu dilakukan dengan baik oleh pemimpin negeri, maka dia akan mendapat balasan baik di akhirat kelak yaitu dimasukkan ke dalam surga dengan segala anugerah Allah s.w.t. yang tiada bertara. Nampaknya, itulah tema yang hendak dikemukakan oleh Raja Ali Haji dalam bukunya ini. Jadi, seseorang pemimpin yang ideal dan baik harus mampu menghasilkan kinerja kepemimpinan yang unggul, baik, dan berkualiti berdasarkan pedoman ajaran agama Islam. Dengan demikian, kepemimpinan dapat dipertanggungjawabkan, sama ada di dunia ataupun lebih-lebih di hadapan Allah *Azza wa Jalla* di akhirat kelak.

2.2 Wazhifah yang Pertama

Wazhifah yang pertama dimaksudkan oleh Raja Ali Haji untuk dijadikan pedoman oleh pemimpin Melayu agar tak tergelincir ijtihad sehingga jadi salah. Untuk itu, seorang raja atau pemimpin harus *mampu memiliki hati rakyat*. Bagaimanakah caranya? Setiap pemimpin Melayu harus mampu *berlaku adil*. Jika pemimpin tak mampu berlaku adil, seluruh negeri akan berseteru, yang pada gilirannya negeri yang diterajunya akan menjadi tempat yang secemarmemarnya.

Disebutkan pula bahawa pemimpin harus dapat menciptakan kondisi rakyat yang berhati benar kepada pemimpin itu. Para pembantu atau penolongnya (menteri, panglima, dan sebagainya) juga sekalian rakyat tak boleh berseteru, tak boleh berpecah-belah. Dan, orang-orang melaksanakan perkhidmatan dalam pemerintahan itu harus *berhati dan berperilaku bersih dan ikhlas berbakti*. Seterusnya pula, pemimpin juga harus menjalankan pemerintahan secara *benar* dan harus *mampu mendamaikan segala perselisihan*, baik di kalangan bawahannya mahupun di kalangan rakyat. Jika pemimpin tak dapat berlaku adil, negerinya akan binasa dan murka Allah akan datang. Sebaliknya pula, jika pemimpin menjalankan pemerintahan secara benar, maka pertolongan Allah pasti akan diperolehnya sehingga apa pun cobaan yang dihadapinya akan dapat diatasi dengan baik.

2.3 Wazhifah yang Kedua

Wazhifah kedua menekankan macam-macam aduan yang datang dari rakyat. Dalam hal ini, ada tiga macam aduan: (1) aduan yang datang daripada malaikat, (2) aduan yang berasal daripada hawa nafsu, dan (3) aduan yang bersumber daripada syaitan.

Hanya aduan jenis pertama (daripada malaikat) yang perkaranya boleh diurus kerana jenis aduan itu dibenarkan oleh agama. Sebaliknya, aduan-aduan jenis yang lain memerlukan kearifan pemimpin untuk mempertimbangkannya masak-masak. Pасalnya, aduan yang datang daripada hawa nafsu dan daripada syaitan mengandungi perangkap untuk menjerumuskan pemimpin dan semua manusia.

Dengan aduan yang berasal daripada hawa nafsu, si pengadu berusaha dengan segala cara untuk dibenarkan atau dimenangkan perkaranya. Aduan yang bersumber daripada syaitan pula dapat menjerumuskan raja atau pemimpin kepada kejatuhan dirinya, sama ada di dunia ataupun di akhirat. Oleh itu, kearifan seorang pemimpin sangat diperlukan dalam menghadapi masalah aduan daripada masyarakat atau rakyatnya. Di sinilah kualiti kepimpinan seseorang ditempa dan diuji.

2.4 Wazhifah yang Ketiga

Pada wazhifah ketiga atau terakhir ini Raja Ali Haji menekankan kewajiban seorang pemimpin untuk memperhatikan hak-hak rakyat seperti yang diperintahkan oleh Allah s.w.t. dan suruhan Rasul-Nya. Rakyat tak boleh dibeza-bezakan. Menurut Raja Ali Haji, “Jangan dilebihkan orang-dalam dengan orang-luar.” Dalam hal ini, kerabat raja atau pemimpin tak boleh diberi hak-hak istimewa dibandingkan dengan orang lain. Jadi, kesemuanya harus diperlakukan sama.

Jika rakyat memang memerlukan bantuan, adalah kewajiban pemimpin atau pemerintah untuk membantunya. Disebutkan oleh Raja Ali Haji, “Yang patut ditolong dengan harta, tolong dengan harta. Yang patut ditolong dengan mulut, tolong dengan mulut. Dan, yang patut ditolong dengan anggota, tolong dengan anggota. Pendek kata, seorang pemimpin atau suatu pemerintahan harus mampu memberikan bantuan kepada rakyat yang memang memerlukannya.

Berhubung dengan hasil atau pendapatan kerajaan harus dimanfaatkan secara adil (1) untuk keperluan raja atau pemimpin dalam mengelola pemerintahannya, (2) untuk para

pegawai pemerintah dalam memenuhi keperluan hidupnya dan keluarganya, (3) untuk rakyat serata negeri supaya terjamin kesejahteraan dan kemakmurannya, dan (4) untuk kegiatan membangun negeri atau negara.

Dalam menyelenggarakan pemerintahan, seorang raja atau pemimpin Melayu harus berpegang dan atau perpedoman kepada ketentuan agama Islam yang dirumuskan dalam hukum syarak. Akhirnya, segala keputusan, perbuatan, dan atau tindakan kepimpinan yang dilakukan oleh seorang pemimpin harus dipikirkan baik-buruknya, bukan hanya untuk kepentingan dunia, melainkan juga kepentingan akhirat.

3. Tsamarat al-Muhimmah

Tsamarat al-Muhimmah adalah judul atau tajuk utama karya ini. Di bawah judul utama itu ditambahkan Raja Ali Haji subjudul *Dliyafat lil-umara' wal-kubara' liahli al-mahkamat* yang dimelayukan beliau menjadi '*Buah-Buahan yang Dicita-Cita Jadi Jamuan bagi Raja-Raja dan Orang Besar-Besar yang Mempunyai Pekerjaan di dalam Tempat Berhukum*'.

Raja Ali Haji menyelesaikan penulisan bukunya itu pada pukul 02.00 dini hari, Selasa, 10 Syakban 1275 H. (1858 M.) seperti yang ditulis beliau pada akhir karyanya itu. Tentang matlamatnya menulis buku itu, Raja Ali Haji bertutur dengan takzim dan rendah hati, "Inilah akhir barang yang dikurniakan Allah Ta'ala atasku pada menzahirkan sedikit tertib kerajaan dan rahasia pekerjaan *ahl al-mahkamah* atas pahamku yang singkat dan atas ilmuku yang kurang. Akan tetapi, daripada sangat hajatku hendak menzahirkan atas kaum kerabatku pada tempatku ini, maka aku perbuat juga alakadar pahamku yang kurang jikalau aku bukan ahli daripada demikian itu sekalian." Jelaslah bahawa karya itu didedikasikannya kepada para pemimpin, yang pada zamannya disebut raja, orang besar-besar, dan para penjawat jabatan pemerintahan dan yang membidangi hukum.

Tsamarat al-Muhimmah baru dicetak oleh *Office Cap Kerajaan* di Daik-Lingga pada 1304 Hijriyah bersamaan 1886 Masehi sekitar 28 tahun setelah selesai ditulis. Buku ini dimulai dengan mukadimah atau pendahuluan, dilanjutkan dengan tiga bab utama, dan diakhiri dengan khatimah atau penutup.

3.1 Mukadimah

Pada bagian mukadimah, Raja Ali Haji, sesuai dengan ciri khas banyak tulisannya, memulainya dengan *keutamaan ilmu dan akal serta asal-usul* keduanya itu. Selain penjelasan tentang peranan ilmu dan akal untuk menaikkan derajat manusia umumnya, tanpa keduanya itu manusia tak ubahnya dengan hewan, bahkan, ada hewan lebih hebat daripada manusia, Raja Ali Haji menegaskan mustahaknya ilmu dan akal itu untuk dituntut (dipelajari) dan diamalkan. Tanpa diamalkan, sia-sialah ilmu, terutama kerja-kerja kepemimpinan harus menggunakan ilmu yang benar. Kerja-kerja kepemimpinan tak boleh membelot dari kebenaran ilmu yang dianugerahkan oleh Tuhan. “Syahdan maka nyatalah dilebihkan Allah Ta’ala akan ahli ilmu itu dengan akal dan *naqal, intaha,*” begitu Raja Ali Haji menegaskan. Dengan menekankan *naqal*, selain akal, jelaslah bahwa Raja Ali Haji hendak meyakinkan para pemimpin jangan sekali-kali melangkahi wahyu Ilahi dalam melaksanakan amanah yang dititipkan kepada mereka.

3.2 Bab-Bab Utama

Bab-bab utama berkembang kian menarik. Kepala pemerintahan, menurut *Tsamarat al-Muhimmah*, mengandung tiga makna sesuai dengan fungsi dan tugas yang diamanahkan kepadanya. Pertama, terkandung makna *khalifah* dengan kewajiban menegakkan agama berdasarkan Al-Quran, sunnah nabi, dan ijmak. Kedua, tersimpul makna *sultan* dengan kewajiban mendirikan hukum yang adil berdasarkan pedoman Tuhan dan rasul-Nya. Ketiga, termaktub juga makna *imam* yang seyogianya berada di hadapan sekali dan menjadi ikutan kesemua orang di bawah pemerintahannya. Dalam hal ini, jikalau tak tergolong kufur dan maksiat, pemerintahannya adalah hukum yang harus ditaati.

Pemimpin seyogianya memang memiliki derajat atau marwah yang tinggi asal memenuhi syaratnya. Syaratnya apa? Dia berjuang membela kebenaran dan memerangi kejahatan (kebatilan) apa pun bentuknya. Bukan sebaliknya, bersuka ria di dalam kejahatan yang nyata dan membinasakan kebenaran. Itulah pemimpin yang berlaku sewenang-wenang, berbuat sekehendak hati, mempermain-mainkan hukum, bahkan mengaku diri sebagai bayangan Tuhan di bumi. Dengan tegas Raja Ali Haji mengecam perilaku kepemimpinan seperti itu tergolong *haram*, yang jelas pembalasannya, dan cenderung kafir, lagi tegas azabnya di akhirat kelak.

Para pemimpin seyogianya berilmu, barakal budi, bermarwah, adil, berijtihad yang baik, tekun beramal, di samping memiliki pancaindera yang baik. Para pemimpin negeri haruslah berbuat kebajikan yang terbilang: indah dan patut menurut agama, bangsa, dan negara. Begitu pula menurut penilaian orang-orang yang mempunyai mata hati atau mereka yang berakal. Jika kedapatan fasik, banyak aduan orang, zalim, khianat, belot, tak bermarwah, dan sejenisnya; para pemimpin itu patutlah diragukan baktinya, yang akan datang juga azabnya daripada Tuhan.

Dalam kaitannya dengan pembangunan negeri, menurut Raja Ali Haji dalam bukunya ini, lima hal utama yang perlu diperhatikan. Pembangunan tak boleh bertentangan dengan syarak, itu yang pertama dan terutama. Kedua, tak boleh membawa mudarat terhadap tubuh dan jiwa manusia. Ketiga, jangan sampai pembangunan, justeru, memusnahkan harta-benda orang. Keempat, jangan pula kerana pembangunan, orang mendapat aib dan malu. Kelima, jangan juga sampai terjadi pembangunan mencacatkan nama para pemimpin itu sendiri.

Tsamarat al-Muhimmah juga memberikan pedoman tentang pembinaan moral bagi penyelenggara negara dan atau pemimpin. Dalam hal ini, penyelenggara negara dan atau pemimpin wajib memelihara ruh (nyawa), badan (jasad), dan nama. Ruh harus dijaga supaya tak terdedah kepada penyakit batin. Penyakit zahir pun memengaruhi batin. Obat bagi penyakit batin lebih rumit daripada penyakit zahir (badan). Kedua jenis penyakit itu, lebih-lebih penyakit batin, dapat membawa kecelaan kepada pemimpin.

Penyelenggara negara atau pemimpin harus menjaga nama jangan sampai menimbulkan kesan buruk. Cacat-celanya menjadi sebut-sebutan orang sehari-hari. Punca kesemuanya itu adalah sifat yang jahat, baik secara terang-terangan mahupun tersembunyi. Itulah kejahatan hati yang paling berbahaya jika melanda para pemimpin dan penyelenggara negara. “Sejahat-jahat nama kepada raja-raja dan kepada orang besar-besar itu, yakni nama zalim dan nama bodoh dan nama lalai nama penakut,” demikian Raja Ali Haji mengunci penjelasannya tentang perlunya pemimpin memelihara nama.

Raja Ali Haji berpendapat bahwa matlamat bernegara untuk mewujudkan keamanan, kesejahteraan, dan kemakmuran baru dapat diraih jika perhubungan penyelenggara negara, pemimpin, dan rakyat seluruhnya dengan Tuhan berjalan serasi dan selaras sesuai dengan petunjuk Allah. Pemimpin yang berilmu dan berakal tak akan berani melangkahi dan atau menyelewengkan agama dalam kepemimpinannya. Mereka akan senantiasa menjaga perilaku

dan moral rakyat atau masyarakat agar tetap baik. Tentu, dengan contoh dan tauladan yang baik pula daripada para pemimpinnya. Sebaliknya, jika para pemimpin terbiasa dengan saling fitnah, dengki, khianat, hasad, lalai, serakah, menjauh dari nilai-nilai agama, dan sebagainya; rakyat sekaliannya akan mendapatkan contoh yang buruk dan keji. Dalam keadaan demikian, negara tinggal menanti saat-saat kehancuran.

“Seyogianya hendaklah raja-raja dan segala orang besar-besar menjauhkan penyakit najis berdengki-dengki itu karena banyaklah dan zahirlah di dalam suatu negeri akan ahlinya banyak berdengki-dengkian, alamat negeri itu akan binasa jua akhirnya. Apa lagi orang besarnya berdengki-dengkian makin segeralah binasanya.... Syahdan inilah kebinasaan dan kerusakan apabila banyak isi negeri itu berdengki-dengkian. Bermula raja yang adil itu bersungguh-sungguh ia pada mencarikan muslihat melepaskan daripada jalan yang membawa kepada kebinasaan ini adanya, *intaha*,” demikian cara Raja Ali Haji memerikan penyakit dengki.

4. Jati Diri Kepimpinan di dalam Pantun

Mengikut Raja Ali Haji seperti yang diperikan di atas, kepimpinan Melayu hendaklah memenuhi tiga kualiti utama. Ketiga kualiti itu adalah (1) mampu menegakkan agama berdasarkan Al-Quran, sunnah nabi, dan ijmak (*khalifah*), (2) sanggup mendirikan hukum dengan adil berdasarkan pedoman Tuhan dan rasul-Nya (*sultan*), dan (3) berada paling depan sehingga menjadi ikutan semua orang di bawah kepimpinannya (*imam*).

Berdasarkan ketiga kualiti utama itulah, jati diri kepimpinan Melayu berkembang. Pantun Melayu ternyata banyak mengetengahkan jati diri kepimpinan Melayu itu seperti yang dihuraikan berikut ini.

4.1 Berpedoman kepada Agama Islam

Pemimpin Melayu wajib melaksanakan tugas kepimpinannya berdasarkan ajaran agama Islam. Dalam hal ini, sumber rujukan utama kepimpinan Melayu adalah nilai-nilai agama Islam. Di dalam karyanya *Gurindam Dua Belas* (1846/47), Pasal Pertama, bait pertama, Raja Ali Haji mengingatkan kita:

*Barang siapa tiada memegang agama
Sekali-kali tiada boleh dibilangkan nama*

Jelas sekali amanat bait gurindam itu bahawa ajaran agama (Islam)-lah pegangan utama kepimpinan Melayu. Di dalam syair yang ditulis beliau di dalam *Tsamarat al-Muhimmah* (1886, selanjutnya disebut *Syair Tsamarat al-Muhimmah*), Raja Ali Haji berpesan kepada para pemimpin.

Hendaklah Ananda mengaji selalu

Dari yang lain lebihkan dulu

Had syarak jangan dilalu

Tidaklah Ananda beroleh malu

(Raja Ali Haji, 1886)

Sangat jelas amanat Raja Ali Haji bahawa pemimpin yang melaksanakan kepimpinannya berdasarkan hukum syarak atau ajaran agama Islam akan terjamin kepimpinannya. Jika berlaku sebaliknya, maka malu dan aiblah yang akan menimpa seseorang pemimpin. Bagaimana pulakah penuturan pantun tentang hal itu?

Kera pun banyak tengah berhimpun

Memanjat galah kepada pohon

Segeralah kita meminta ampun

Kepada Allah tempat bermohon

Memanjat galah kepada pohon

Kayu bersandar berapit dua

Kepada Allah tempat bermohon

Kalaukan kita sadarkan nyawa

Kayu bersandar berapit dua

Gelam dijemur dibelit akar

Kalaukan kita sadarkan nyawa

Di dalam kubur tiadalah sukar

(Haji Ibrahim, 1877)

Malam hari pasang pelita

Pelita ada di dalam kaca

*Semalam ada nabi kita
Teranglah alam seluruhnya*

Selain *Gurindam Dua Belas* dan *Syair Tsamarat al-Muhimmah* karya Raja Ali Haji, ternyata pantun-pantun yang dihimpun oleh Haji Ibrahim Datuk Kaya Muda juga menegaskan jati diri utama kepemimpinan Melayu adalah berpedoman kepada ajaran agama Islam yang dibawa oleh nabi Muhammad s.a.w. Jadi, nilai-nilai Islam harus menjadi rujukan utama kepemimpinan Melayu.

4.2 Teguh Iman

Jati diri kepemimpinan Melayu juga ditunjukkan dengan keteguhan iman. Hanya pemimpin yang imannya teguhlah yang mampu menyempurnakan tugas-tugas kepemimpinannya. Dengan iman yang teguh seseorang pemimpin tak mudah terombang-ambing dalam menjalankan tugas dan kewajibannya.

*Kapal anjiman dari Cina
Singgah bermuat papan jati
Amal dan iman biar sempurna
Tidaklah jadi sesal di hati*

*Dibawa belayar ke Singapura
Di batu putih kapal nin lalu
Iman pun tidak janji cedera
Itulah tempat melepas malu*

*Tuman dipegang jatuh ke laut
Disambar iyu jerung tenggiri
Iman pun tetap sehingga maut
Di situ baharu tahukan diri*

(Haji Ibrahim, 1877)

Iman yang teguh merupakan jaminan keberhasilan kepemimpinan. Pemimpin yang beriman teguh akan senantiasa berjaya. Dengan demikian, dia akan terhindar dari perkara-perkara yang memalukan. Pada gilirannya, sampai mati pun dia akan terpuji.

4.3 Taat Beribadah

Pemimpin yang baik mestilah taat beribadah. Dengan beribadah segala dosa dapat diampunkan oleh Allah. Tak sesiapa pun yang tak berbuat salah atau dosa di dalam dunia. Namun, orang yang taat beribadah akan mendapat petunjuk dan bimbingan Allah agar terhindar dari perbuatan dosa.

*Baik berburu ke seberang
Rusa banyak di dalam rimba
Baik berguru kita sembahyang
Dosa banyak di dalam dunia*

*Rusa banyak di dalam rimba
Kera pun banyak tengah berhimpun
Dosa banyak di dalam dunia
Segeralah kita meminta ampun*

(Haji Ibrahim, 1877)

Ibadah merupakan sarana untuk mendekati diri kepada Allah. Ibadah dapat mengingatkan kita akan kekurangan diri. Ibadahlah yang memungkinkan kualiti kepemimpinan terus meningkat secara berterusan.

4.4 Berilmu

Setiap pemimpin harus memiliki ilmu yang mencukupi. Dengan ilmu yang dimilikinya seorang pemimpin boleh menjalankan tugas kepimpinannya dengan baik dan berkesan. Selain itu, pemimpin yang berilmu akan dipercayai oleh orang-orang yang dipimpinnya. Pasal, dia diyakini memang layak dan mampu memimpin sesuai dengan ilmu yang dipunyainya.

*Sarang penyengat di atas kota
Kait-kait di batang temu*

*Hendaklah ingat semuanya kita
Baik bertandang kepada ilmu*

*Temu itu banyak warnanya
Ada yang putih ada yang biru
Ilmu itu banyak gunanya
Tiada boleh orang mengaru*

*Kelembak nama bau-bauan
Parang diletakkan di dahan sena
Kalau nan tidak ketahuan
Barang kerja tidak sempurna*

*Belah buluh ditaruhkan temu
Batang cempedak batang pedada
Olehnya tidak menaruh ilmu
Duduklah hendak mengada-ngada*

(Haji Ibrahim, 1877)

Dengan pantunnya, Haji Ibrahim menegaskan bahwa tanpa ilmu perbuatan pemimpin hanyalah mengada-ada. Hal itu bermakna kepemimpinan hanyalah berdasarkan naluri yang tak pasti arahnya. Oleh itu, adalah wajib seseorang pemimpin memiliki ilmu yang memadai, sama ada bersumber dari akal (ilmu dunia) ataupun ilmu yang bersumber dari Al-Quran (ilmu agama).

4.5 Menjaga Nama

Menjaga nama supaya tetap baik, tanpa cela, adalah wajib bagi setiap pemimpin. Pemimpin yang namanya tercemar akan mengecewakan orang-orang yang dipimpinnya. Sebaliknya pula, pemimpin yang namanya harum akan menjadi tauladan sepanjang masa.

*Dibantu oleh Maharaja Dewa
Dipa Negara Jawa yang sakti*

*Nama pun tidak boleh kecewa
Masyhurlah nama sampai ke mati*

*Isteri kepada Maharaja Dewa
Turun bermain di padang saujana
Tidaklah boleh nama kecewa
Nama kita jadi sempurna*

(Haji Ibrahim, 1877)

Pemimpin yang mampu menjaga namanya agar tetap terbilang menyebabkan kepimpinannya menjadi sempurna. Dia tak hanya menjadi tauladan semasa hidupnya, tetapi setelah meninggal dunia pun pemimpin yang memiliki nama baik akan dikenang orang. Nama baik memang menjadi salah satu taruhan utama kepimpinan Melayu.

4.6 Adil

Jati diri kepimpinan Melayu juga mensyaratkan seseorang pemimpin harus mampu berlaku adil. Adil kepada diri sendiri, adil kepada keluarga, dan lebih-lebih adil kepada rakyat atau masyarakat. Pemimpin yang adil akan disenangi dan diikuti orang kepimpinannya. Sebaliknya pula, pemimpin yang zalim akan dimusuhi oleh orang banyak.

*Tanjungpinang tempatnya elok
Tempat Belanda dengannya Keling
Di manakan senang di hati makhluk
Mulut berkata hati berpaling*

*Tempat Belanda dengannya Keling
Cina Melayu ada di situ
Mulut berkata hati berpaling
Di manakan boleh mendapat tentu*

*Tanah kompeni tempat yang terang
Memakai kasut sehari-hari*

*Yang berani tinggal seorang
Mana yang takut menarik diri*

(Haji Ibrahim, 1877)

Ketakadilan di dalam kepemimpinan akan mengundang malapetaka. Tak ada orang yang berakal akan mengikuti pemimpin yang tak mampu berlaku adil. Jadi, sanggup berbuat adil menjadi jati diri kepemimpinan Melayu.

4.7 Berjiwa Bersih

Pemimpin yang baik berjiwa bersih. Dia tak rela kepemimpinannya dinodai oleh sifat-sifat yang tak terpuji seperti dengki, khianat, hasad, dan sebagainya. Hanya dengan jiwa yang bersihlah, matlamat kepemimpinan boleh tercapai secara gemilang.

*Lada dipatuk burung kedidi
Anak pelanduk di dalam perigi
Tanda kerjanya tidak menjadi
Duduk dengan berhati dengki*

*Anak pelanduk di dalam perigi
Ikan belanak masuk ke belat
Duduk dengan berhati dengki
Ayuhai anak hendaklah ingat*

(Haji Ibrahim, 1877)

Kepimpinan Melayu mengidealkan seseorang pemimpin berjiwa bersih. Kebersihan jiwa itu merupakan roh yang mampu mengantarkan kepemimpinan menuju kejayaan. Tak ada keraguan orang pada kepemimpinan seseorang pemimpin yang jiwanya bersih.

4.8. Ikhlas

Jati diri kepemimpinan juga ditandai dengan keikhlasan untuk mengabdikan demi orang banyak. Pemimpin yang ikhlas akan mendarmabaktikan seluruh kemampuannya untuk kemajuan negeri dan masyarakat yang dipimpinnya. Begitu dia bersedia menerima tanggung jawab

keimpinannya, pemimpin yang baik akan melakukan apa pun kewajiban keimpinannya itu dengan ikhlas, tanpa niat tercela yang terselubung di sebaliknya.

*Galang rakit batang buluh
Kunang-kunang di dalam padi
Hilang penyakit di dalam tubuh
Baharulah senang di dalam hati*

*Kunang-kunang di dalam padi
Mari ditangkap dengannya kain
Baharulah senang di dalam hati
Tidak berniat pada yang lain*

(Haji Ibrahim, 1877)

Ikhlas berbakti merupakan ciri pemimpin yang baik. Kepimpinan yang berlandaskan keikhlasan akan menuai hasil yang sesuai dengan harapan semua orang. Keikhlasan akan menyinari kepemimpinan sehingga seseorang pemimpin akan dikenang dan dihormati sepanjang masa.

4.9 Teliti

Pemimpin Melayu juga dituntut untuk teliti. Kurang selidik dalam kepemimpinan sangat berbahaya, bahkan dapat menjatuhkan seseorang pemimpin. Oleh itu, pemimpin harus memiliki ilmu yang cukup sehingga dia dapat meneliti segala sesuatu sesuai dengan ilmunya.

*Baik-baik belayar malam
Arus deras karangnya tajam
Cari-cari malim yang paham
Di situ banyak kapal tenggelam

Baik dirahat benang kereta
Benang setekal berbutang kain
Baik dilihat dengan mata
Jangan menyesal di hari yang lain*

(Haji Ibrahim, 1877)

Kerja kepemimpinan bukanlah sesuatu yang mudah. Banyak onak dan duri yang akan dilalui oleh seseorang pemimpin dalam kepemimpinannya. Akan tetapi, kesemuanya itu dapat dijalankan dengan berkesan jika pemimpin sanggup bertindak teliti dalam bekerja.

4.10 Berjanji Setia

Jati diri kepemimpinan juga ditentukan oleh kesetiaan pada janji. Kalau telah berjanji, harus ditepati. Pemimpin yang mungkir janji membuat dirinya menjadi tak terpuji.

*Terang bulan bagai diukir
Pinang sendawa dari Mengkasar
Jangan Tuan berjanji mungkir
Tuntut dakwa di padang mahsyar*

*Mari diukir bertali-tali
Buah keranji di tengah laman
Jangan mungkir sekali-kali
Sudah berjanji bertapak tangan*

(Haji Ibrahim, 1877)

Ternyata, janji seseorang pemimpin tak hanya dipertanggungjawabkan di dunia yang fana ini saja. Akan tetapi, janji itu juga harus dipertanggungjawabkan sampai ke akhirat yang kekal abadi. Itulah yang diyakini oleh orang Melayu tentang janji. Dengan demikian, jati diri kepemimpinan dapat diukur dengan kesetiaan dan ketepatan menunaikan janji.

4.11 Jujur

Pemimpin Melayu juga dituntut untuk jujur di dalam melaksanakan kepemimpinannya. Sesiapa pun yang sanggup berlaku jujur dalam tindakan kepemimpinannya, dia akan dihargai oleh orang-orang yang dipimpinnya.

*Jika roboh Kota Melaka
Papan di Jawa sahaya dirikan
Jika sungguh bagai dikata
Badan dan nyawa sahaya berikan*

*Jika roboh Kota Melaka
Si Lamat menyandar pedang
Jika sungguh bagai dikata
Minta selamat sahaya pegang*

(Haji Ibrahim, 1877)

Kalau pemimpin jujur, semua orang yang dipimpinnya akan mengikutinya dengan segenap jiwa dan raga. Tak ada keraguan orang pada pemimpin yang jujur. Bahkan, pemimpin yang jujur akan meningkatkan semangat orang-orang yang dipimpinnya untuk melaksanakan kebaikan. Di belakang pemimpin yang jujur, orang Melayu akan rela mengikuti segala kebijakan kepimpinannya walaupun harus mengorbankan nyawa. Jujur, nyatalah, menjadi pakaian pemimpin sejati.

4.12 Beriktikad Baik

Iktikad sangat menentukan pencapaian (proses) dan capaian (hasil) matlamat suatu pekerjaan. Seseorang pemimpin yang menghalakan matlamat perkhidmatan kepimpinannya kepada sesuatu yang boleh membanggakan mestilah melakukannya dengan iktikad yang baik. Tanpa itu, sia-sialah kepimpinan, dia ada tetapi tak bermanfaat, terutama bagi orang banyak.

*Jalur ini terlalu laju
Dapatlah kuntum di guwa batu
Kalau iktikad tiada tentu
Bilakan sampai ke tempat itu*

(Haji Ibrahim, 1877)

Jelaslah bahwa kepimpinan Melayu mengandalkan iktikad yang baik. Dengan iktikad yang terbilang, sebarang kerja akan menuai hasil yang gemilang. Nama pemimpin pun menjadi cemerlang.

4.13 Mahir

Kepimpinan mestilah diserahkan kepada orang yang mahir, yang memang memiliki kualiti untuk menjadi seorang pemimpin. Kepimpinan yang dipercayakan kepada orang yang tak

tepat akan berakibat negeri dan rakyat jadi melarat. Itulah kepimpinan yang tak bermanfaat, malah mendatangkan mudarat. Dengan demikian, mahir atau cekap dalam memimpin menjadi jati diri kepimpinan Melayu.

*Baik-baik melayar jung
Tali-tali biarlah teguh
Dipukul ombak di Laut Merodong
Nakhoda mabuk beranda pun roboh*

*Baik-baik belayar malam
Arus deras karangnya tajam
Cari-cari malim yang paham
Di situ banyak kapal tenggelam*

(Haji Ibrahim, 1877)

Tamadun Melayu mengidealkan pemimpin yang mahir dalam memimpin. Jika pemimpin tak mahir, dipercayai akan mendatangkan malapetaka bagi seisi negeri. Hanya pemimpin yang cekap dan mahirlah yang mampu menerajui negeri sehingga menjadi maju berseri.

4.14 Tahu Diri

Dengan sifat tahu diri, seseorang anak manusia akan senantiasa rendah hati. Dia tak akan silau dengan kejayaan yang telah diraihinya. Dia selalu menginsyafi bahwa dirinya adalah makhluk yang serba kekurangan, tanpa daya jika tidak dengan pertolongan Allah. Dia akan berusaha untuk senantiasa mendapatkan hidayah, inayah, dan rida Allah dalam kepimpinannya. Tahu diri menjadikan pemimpin selalu siap untuk diuji, yang pada gilirannya dia akan terpuji.

*Zanjabela nama puteri
Putera Sultan Askun Adlmat
Barang siapa tahukan diri
Ke mana pergi dapat selamat*

*Putera Sultan Askun Adlmat
Isteri kepada Maharaja Dewa*

*Ke mana pergi dapat selamat
Tidaklah boleh nama kecewa*

(Haji Ibrahim, 1877)

Pemimpin yang tahu diri tak akan mengecewakan orang-orang yang dipimpinnya. Dengan sifatnya yang rendah hati, dia akan bersedia bertukar pendapat dengan sesiapa pun demi kemajuan negeri dan masyarakatnya. Pemimpin yang tahu diri akan selalu dekat dengan orang-orang yang dipimpinnya. Akibatnya, namanya selalu melekat di hati banyak orang.

4.15 Cerdik dan Bijaksana

Kepimpinan seyogianya diserahkan kepada orang yang cerdik, pandai, dan bijaksana. Pasal, persoalan kepimpinan harus dipecahkan dengan kecerdasan dan dilaksanakan dengan bijak. Tanpa kecerdasan dan kebijaksanaan, kepimpinan akan rapuh sehingga sangat sulit untuk mencapai keberhasilan.

*Kuda gersi kuda di awan
Dipacu tidak berpelana
Alangkah cerdik muda bangsawan
Dilancung oleh bijaksana*

*Dipacu tidak berpelana
Pelana datang dari Selati
Dilancung oleh bijaksana
Bijaknya boleh dilihat*

(Haji Ibrahim, 1877)

Kualiti kepimpinan ditentukan oleh pengambilan keputusan yang cerdik, cerdas, dan bijaksana. Oleh itu, jati diri kepimpinan Melayu harus memenuhi persyaratan itu. Tak ada harapan yang dapat diletakkan pada pemimpin kurang cerdas dan bijaksana, kecuali kegagalan kepimpinan yang mendatangkan malu.

4.16 Berpikiran Luas

Sejalan dengan kecerdasan dan kebijaksanaan, pemimpin pun haruslah orang yang berpikiran luas. Para pemimpin ternama umumnya pikirannya tetap terpakai walaupun dia telah lama meninggal dunia. Bahkan, pemikirannya tak hanya berguna bagi bangsanya sendiri, tetapi juga dimanfaatkan oleh bangsa-bangsa lain. Pemimpin seperti itulah yang diidealkan oleh orang Melayu.

*Buah ganja makan dikikir
Dibawa orang dari hulu
Barang kerja hendaklah pikir
Supaya jangan mendapat malu*

*Dibawa orang dari hulu
Terbang helang ke seberang
Janganlah kita mendapat malu
Di belakang tidak kata orang*

*Bunga anggerik di pohon benalu
Buah berangan dari Jepara
Orang yang cerdas pikir dahulu
Jangan siapa menaruh lara*

(Haji Ibrahim, 1877)

Pemimpin yang berpikiran sempit hanya mendatangkan malu bagi dirinya sendiri dan orang-orang yang dipimpinya. Perbicaraan orang tentang dirinya semata-mata tentang ketakmampuannya memimpin karena sempitnya pemikiran. Akibatnya, semua orang yang dipimpinya mendapat kesusahan, menanggung lara dan nestapa sepanjang masa. Itulah sebabnya, laluan kepimpinan harus diberikan kepada orang-orang yang berpikiran luas agar semua orang berhati puas.

4.17 Bertimbang Rasa

Ini pakaian pemimpin sejati. Di dalam dirinya bersemayam sifat bertimbang rasa. Dia tak rela orang-orang yang dipimpinnya sengsara karena kepimpinannya. Dia senantiasa berbelas kasih kepada semua orang tanpa pandang bulu. Kepimpinan yang bertimbang rasa mendatangkan tenaga kultural yang membangkitkan semangat masyarakat untuk mencapai cita-cita yang tinggi demi kejayaan bangsa.

*Pagar dililit kacang lara
Tebang beraksa menimpa padi
Sembahnya patik apa bicara
Timbang rasa kepada hati*

*Tebang beraksa menimpa padi
Buah paku jatuh ke paya
Timbang rasa kepada hati
Tuanku jangan bermain daya*

*Buah paku jatuh ke paya
Daun ganja jatuh ke batu
Tuanku jangan bermain daya
Adat raja tidak begitu*

(Haji Ibrahim, 1877)

Dunia Melayu memberikan penghargaan yang tinggi kepada pemimpin yang bertimbang rasa. Pemimpin dengan kualiti seperti itu tak pernah sampai hati (tega) melihat masyarakatnya menderita. Segala daya dan kuasa akan diupayakannya agar masyarakatnya sejahtera. Dengan kekuasaan yang diamanahkan kepadanya, dia akan berbuat yang terbaik bagi negeri dan bangsanya. Di bawah kepimpinannya, tak ada orang yang boleh cedera, baik badan mahupun perasaan. Pemimpin seperti itu akan senantiasa memperoleh inayah dan anugerah Tuhan.

4.18 Dermawan atau Pemurah

Inilah juga jati diri kepemimpinan Melayu. Pemimpin Melayu itu harus memiliki sifat dermawan atau pemurah (murah hati). Dia tak pernah rela melihat orang-orang yang dipimpinya mendapat kesusahan. Orang-orang yang mengalami kesusahan akan ditolongnya sedemikian rupa, apakah dengan materi (harta atau wang), pikiran, dan atau tenaga agar mereka dapat keluar dari kesulitan hidup. Lagi pula, bukankah itu memang amanah yang harus dipikul oleh seseorang pemimpin? Di dalam *Gurindam Dua Belas*, Raja Ali Haji (1847) mengingatkan kita bahawa sifat bakhil adalah perompak yang amat gagah.

*Daun ganja jatuh ke batu
Rambuniya di dalam dulang
Adat raja tidak begitu
Kurnia terhambur kepada orang*

*Rambuniya di dalam dulang
Buah kepayang di atas peti
Kurnia terhambur kepada orang
Janganlah sayang kepada hati*

(Haji Ibrahim, 1877)

Telah tersurat di dalam adat bahawa pemimpin harus berjiwa pemurah. Jika kehilangan sifat itu, seseorang pemimpin akan kehilangan tuah. Akibatnya, kepimpinannya pun menjadi tak lagi bermarwah.

4.19 Terbuka

Jati diri kepemimpinan Melayu juga ditandai dengan sifat terbuka. Oleh itu, pemimpin yang dinilai baik adalah pemimpin yang terbuka kepada semua orang, tak kira suku, bangsa, dan atau agama. Dia menjadi pemimpin semua orang. Dialah tempat berlindung yang paling aman lagi nyaman. Di bawah kepimpinannya orang-orang tak perlu berasa saling curiga.

*Ketiga dengan buah berangan
Buah kenari dimakan angsa*

*Serta dengan terbuka tangan
Supaya negeri senang sentosa*

*Buah kenari dimakan angsa
Delima dijolok merekah
Supaya negeri senang sentosa
Nama pun elok serta termegah*

(Haji Ibrahim, 1877)

Begitulah pemimpin yang ternama. Sifat terbukanya menjadikan negeri makmur sentosa. Pasalnya, di bawah kepemimpinannya semua orang boleh mengeluarkan segala kemampuan untuk berkreasi dan berinovasi untuk mencapai matlamat kesejahteraan bersama.

4.20 Menghargai Kerja (Bekerja Keras)

Kepimpinan bukanlah tempat bagi pemalas. Kejayaan kepemimpinan ditentukan oleh kebolehan dan kemahuan bekerja keras. Kepimpinan bukanlah kerajaan kata-kata sehingga ukuran keberhasilannya pada kuantiti kata-kata. Kepimpinan adalah tempat bagi orang-orang yang membudayakan diri dengan menghargai kerja atau bekerja keras dan hasil karya.

*Bunga cempaka dari hulu
Bendahara mudik berkakap
Muka sendiri juga yang malu
Saudara jangan besar cakap*

*Cempedak dari seberang
Bunga cempaka dari hulu
Jika tidak tempelak orang
Muka sendiri juga yang malu*

(Haji Ibrahim, 1877)

Seseorang pemimpin sejati sangat memperhatikan kuantiti dan kualiti kerja secara bersamaan. Dia sadar bahawa hasil karya dan baktinyalah yang dinilai orang. Dengan kesadaran itu, dia senantiasa berusaha agar kepemimpinannya betul-betul berjaya sehingga tak menimbulkan

aib dan malu. Jika datang tempelak orang, kening bagai diconteng arang. Itu bukanlah pakaian pemimpin terbilang.

4.21 Bermanfaat bagi Orang Lain

Pemimpin Melayu berani menjadi pemimpin kerana dia telah memasang niat untuk bermanfaat bagi orang lain. Tanggung jawabnya tak lagi hanya berpusat pada diri sendiri dan keluarganya, tetapi lebih banyak terhadap orang lain: masyarakatnya, rakyatnya, atau bangsanya. Dia harus mampu memosisikan diri menjadi “yang rimbun tempat berteduh” bagi orang-orang yang dipimpinnya.

*Nangka dipanjat tidak berbunga
Buahnya layu gugur bersarang
Dengan tiada suatu guna
Buat malu dipandang orang*

*Anak Belanda mengarang bunga
Bunga dikarang berangkai-rangkai
Walaupun ada tidak berguna
Kepada orang tidak terpakai*

*Bunga dikarang berangkai-rangkai
Bunga di pagar dikelopakkan
Kepada orang tidak terpakai
Sekadar tidak ditampakkan*

(Haji Ibrahim, 1877)

Kalau seseorang pemimpin tak mendatangkan manfaat bagi orang banyak, jelaslah keberadaannya sebetulnya tak diharapkan. Dia tak ubahnya pagar makan tanaman. Hanya, kerana dia “pemimpin”, orang-orang tak sampai hati, atau bahkan mungkin juga takut, untuk mengungkapkan ketaksenangan mereka. Padahal, kepimpinan seperti itu sebetulnya hanya mendatangkan aib sahaja, sedangkan faedahnya jauh dari harapan.

4.22 Sabar

Kualiti seorang pemimpin juga ditentukan oleh kemampuannya mengamalkan sifat sabar. Pemimpin yang sabar akan menghasilkan kinerja yang unggul. Segala putusan kepimpinannya diambil berdasarkan pemikiran yang jernih lagi masak. Dengan demikian, dapat dihasilkan buah pikiran yang baik bagi pemecahan masalah kepimpinan yang dijalankannya. Pemimpin yang sabar akan mampu memecahkan masalah yang dihadapinya dengan sempurna.

Batang ketumbar berdahan-dahan

Kelapa jatuh ke tepi bangsal

Biar sabar dengan perlahan

Siapa gopoh nanti menyesal

Kelapa jatuh ke tepi bangsal

Bangsal tempat memasak gula

Siapa gopoh nanti menyesal

Duduklah dengan berhati gila

(Haji Ibrahim, 1877)

Pemimpin yang sabar akan menikmati manisnya hasil kepimpinannya. Dengan kesabaran yang dimilikinya, niscaya dia dipercayai mampu menyelesaikan segala persoalan yang dihadapi. Atas dasar itu, muncullah kewibawaan kepimpinan dari dalam dirinya. Pada gilirannya, dia akan tumbuh menjadi pemimpin yang kuat dan berkarakter.

4.23 Tenang

Kepimpinan, amnya, taklah berjalan dengan lancar saja. Pelbagai persoalan akan dihadapi ketika seseorang menjalankan roda kepimpinan. Itulah sebabnya, kepimpinan memerlukan seseorang pemimpin yang bersifat tenang. Di tangan pemimpin yang tenang segala persoalan, yang pelik sekalipun, akan dapat diatasi dengan baik lagi sempurna.

Lalu pergi bermain kuda

Dipacunya sampai ke tengah padang

*Berhentilah dendam kalbu menggoda
Sejuklah hati yang panas radang*

*Dipacunya sampai ke tengah padang
Galang rakit batang buluh
Sejuklah hati yang panas radang
Hilang penyakit di dalam tubuh*

(Haji Ibrahim, 1877)

Ketenangan menangani suatu masalah memungkinkan pemecahan yang baik. Kualiti seseorang pemimpin diuji: apakah dia sanggup bertenang ketika berhadapan dengan masalah-masalah yang besar lagi rumit. Pemimpin yang terus melatih diri untuk bertenang akan mampu menjawab cabaran itu dengan memuaskan.

4.24 Menjauhi Perbuatan Haram

Inilah yang paling dipantangkan bagi seseorang pemimpin Melayu: mendekati, apa lagi melakukan, perbuatan yang terlarang, perbuatan haram. Segala yang haram menurut hukum syarak tak boleh dikerjakan oleh pemimpin Melayu. Sesiapa pun yang lalai akan ketentuan itu akan menjatuhkan kepimpinannya.

*Daun terap di dalam dulang
Anak udang mati dituba
Di dalam kitab ada melarang
Perbuatan haram jangan dicoba*

*Anak udang mati dituba
Lada sulah masak dilurut
Perbuatan haram jangan dicoba
Sabda rasul hendak(lah) diturut*

*Lada sulah masak dilurut
Daun telang di dalam dulang*

Sabda rasul hendak(lah) diturut

Hukum syarak sudah melarang

(Haji Ibrahim, 1877)

Kecaman masyarakat sangat berat terhadap pemimpin yang sengaja melakukan perbuatan terlarang menurut syariat Islam. Seseorang pemimpin, kendatipun dia manusia biasa juga, harus suci dari segala yang berbau haram. Hanya orang-orang yang sanggup mengikuti ketentuan syarak itulah yang mampu menjadi pemimpin yang baik.

4.25 Menjaga Marwah Diri

Apa pun taruhannya, seseorang pemimpin Melayu harus menjaga marwah dirinya. Pasal, pada diri pemimpin melekat pula marwah bangsanya. Pemimpin yang tak pandai menjaga marwahnya akan mempermalukan bangsanya. Menjunjung marwah diri dan bangsanya menjadi kewajiban dan tanggung jawab utama seseorang pemimpin.

Gemilang cahayanya cincin permata

Memetiklah buah melempari

Jika hilang duli mahkota

Di manakan patik membawa diri

Siapa kaya di Johor Baharu

Tun Abu Bakar jadi maharaja

Siapa percaya orang pengaru

Banyak pekerjaan disahaja-sahaja

(Haji Ibrahim, 1877)

Satu di antara sekian perbuatan yang menjatuhkan marwah pemimpin adalah menyalahkan amanah yang diserahkan kepadanya. Orang seperti itu sangat tak layak menjadi pemimpin. Dia tak ubahnya sebagai pengacau di dalam sesebuah tamadun. Pasal, jati diri kepimpinan Melayu mengamanatkan tegaknya marwah bangsa Melayu di mana pun di dunia ini. Marwah menjadi *duli mahkota* tamadun Melayu. “Apa tanda Melayu terbilang, tuah dijemput marwah dijunjung.”

5. Penutup

Di antara rujukan yang banyak dipakai untuk mengaji jati diri kepemimpinan Melayu adalah dua buah karya Raja Ali Haji: *Muqaddima Fi Intizam* dan *Tsamarat al-Muhimmah*. Kedua karya itu mengamanatkan pemimpin Melayu haruslah melaksanakan tanggung jawab kepemimpinannya berdasarkan syariat Islam. Hanya berpedoman kepada petunjuk Allah itulah seseorang pemimpin Melayu dapat melaksanakan tugas kepemimpinannya dengan sempurna sehingga kejayaan bangsa Melayu dapat diwujudkan. Nilai-nilai yang lain boleh saja diambil asal tak bertentangan dengan hukum syarak.

Ternyata, pantun-pantun Melayu yang dihimpun oleh Haji Ibrahim Datuk Kaya Muda juga mengetengahkan jati diri kepemimpinan Melayu yang sejalan dengan ajaran agama Islam. Hal itu tak mengherankan kita kerana tamadun Melayu itu sesungguhnya berteraskan nilai-nilai agama Islam. Ajaran agama Islam telah menjadi roh yang menjulangkan tamadun Melayu. Persebatian nilai-nilai kemelayuan dan Islam tak dapat dipisahkan sehingga harus menjelma di dalam kepemimpinan dan jati diri bangsa Melayu. Hanya dengan melaksanakan nilai-nilai asli Melayu yang berbancuh serasi dengan nilai-nilai Islam secara konsisten dan konsekuenlah kepemimpinan dan jati diri Melayu akan menuai kejayaan. Alhasil, tamadun Melayu tetap bermartabat di mata bangsa-bangsa sedunia.

DAFTAR PUSTAKA

- Abdul Malik. 2009. *Memelihara Warisan yang Agung*. Yogyakarta: Akar Indonesia.
- Abdul Malik. 2011a. "Nilai-Nilai Budaya dalam Gurindam Dua Belas". Makalah Penataran Guru Pendidikan Budi Pekerti Provinsi Kepulauan Riau. Tanjungpinang: Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan, Universitas Maritim Raja Ali Haji (UMRAH).
- Abdul Malik. 2011b. "Nilai-Nilai Budi Pekerti dalam Budaya Melayu". Makalah Penataran Guru Pendidikan Budi Pekerti Provinsi Kepulauan Riau. Tanjungpinang: Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan, Universitas Maritim Raja Ali Haji (UMRAH).
- Abdul Malik. 2011c. "Pantun: Warisan Sadu Perdana Lestari". Makalah *Temasya Pantun Melayu Serumpun Sempena Bulan Bahasa Kebangsaan dan Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam*, Melaka, 11 Oktober 2011.
- Abdul Malik. 2012. *Menjemput Tuah Menjunjung Marwah*. Jakarta: Komodo Books.
- Abdul Malik dan Hasan Junus. 2000. "Studi tentang Himpunan Karya Raja Ali Haji". Pekanbaru: Bappeda Propinsi Riau dan PPKK, Unri.
- Abdul Malik, Hasan Junus, dan Auzar Thaher. 2003. *Kepulauan Riau sebagai Cagar Budaya Melayu*. Pekanbaru: Unri Press.
- Abdul Malik, *et al.* 2009. *Penafsiran dan Penjelasan Gurindam Dua Belas Raja Ali Haji*. Tanjungpinang: Pemerintah Kota Tanjungpinang.
- Andaya, Barbara Watson. 1977. "From Rum to Tokyo: The Search for Anticolonial Allies by the Rulers of Riau, 1899—1944", *Indonesia*. Itacha: Corbell University.
- Braginsky, V.I. 1993. *Tasawuf dan Sastra Melayu*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa dan Universitas Leiden.
- Braginsky, V.I. 1994. *Erti Keindahan dan Keindahan Erti dalam Kesusastraan Melayu Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chambert-Loir, Henri dan Oman Fathurahman. 1999. *Khazanah Naskah*. Jakarta: Ecole Francaise d'Extreme-Orient dan Yayasan Obor Indonesia.

Daillie, Francois-Rene. 1990. *Alam Pantun Melayu (Studies on the Malay Pantun)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Djajadiningrat, R.A. Hoesein. 1933. "Latar Belakang Magis yang Mendasari Arti Pantun Melayu," dalam Achadiati Ikram (*Ed.*), 1988. *Bunga Rampai Bahasa, Sastra, dan Budaya*. Jakarta: Intermasa, hlm. 144—159.

Haji Ibrahim Datuk Kaya Muda Riau. 2002. *Perhimpunan Pantun Melayu*. Diselenggarakan oleh Elmustian Rahman. Pekanbaru: Unri Press.

Raja Ali Haji. 1854. *Gurindam Dua Belas*. Batavia.

Raja Ali Haji. 1886. *Thamarat al-Muhimmah*. Daik: Offis Cap Kerajaan Lingga-Riau.

Raja Ali Haji. 1887. *Muqaddima Fi Intizam*. Daik: Offis Cap Kerajaan Lingga-Riau.

Sartini. 2004. "Menggali Kearifan Lokal", *Jurnal Filsafat*, Jilid 37, No. 2, Agustus 2004.

BIODATA PENULIS

Datuk Drs. Haji Abdul Malik, M.Pd. lahir di Kabupaten Karimun, Kepulauan Riau, Indonesia.



Ijazah Sarjana diperolehnya dari Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan, Universitas Riau, Pekanbaru, 1985. Magister Pendidikan diperolehnya dari Fakultas Pascasarjana, IKIP Malang, 1988. Sekarang kandidat Ph.D. di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak, Malaysia.

Beliau adalah pensyarah sekaligus Dekan Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan (FKIP), Universitas Maritim Raja Ali Haji (UMRAH), Tanjungpinang, Kepulauan Riau, Indonesia. Dia membenteng kertas kerja dalam pelbagai pertemuan ilmiah, di dalam dan luar negeri. Dia juga menjadi penatar (pembimbing) guru-guru dan pegawai di Riau dan Kepulauan Riau, Indonesia sejak 1988 sampai sekarang.

Tulisannya berupa artikel, esai, cerpen, puisi, makalah, dan buku. Artikelnya dimuat di *SKK Bahana Mahasiswa* (Pekanbaru), *SKM Genta* (Pekanbaru), *Majalah Budaya Sagang* (Pekanbaru), *Majalah Prestasi* (Pekanbaru), *Majalah Bina Prestasi* (Pekanbaru), *Riau Pos* (Pekanbaru), *Jurnal Bahas* (Pekanbaru), *Sijori Pos* (Batam), *Batam Pos* (Batam), *Kemilau Melayu* (Batam), *Tanjungpinang Pos* (Tanjungpinang), *Majalah Geliga* (Tanjungpinang), *Jawa Pos* (Surabaya), *Media Indonesia* (Jakarta), www.rajaalihaji.com (Yogyakarta), www.melayuonline.com (Yogyakarta), www.sagangonline (Pekanbaru), dan lain-lain.

Cerpennya diterbitkan dalam buku *Kumpulan Cerpen Keranda ½ Spasi* bersama beberapa penulis lain (Cendekia Insani, Pekanbaru, 2006). Puisinya, antara lain, dimuat dalam *Antologi Puisi Temu Sastrawan Indonesia III*, *Percakapan Lingua Franca* (2010) dan *Harian Pagi Tanjungpinang Pos*.

Bukunya yang sudah diterbitkan *Morfosintaksis Bahasa Melayu Riau* (Pusat Bahasa, Departemen Pendidikan nasional, Jakarta, 1990), *Tuan Guru Syekh Abdurrahman Siddiq: Kemilau Gemilang Indragiri* (Takar Riau, Pekanbaru, 2002 bersama Mosthamir Thalib, Muhd. Anang Azmi, dan Lukman Edy), *Corak dan Ragi Tenun Melayu Riau* (Adi Cita, Yogyakarta, 2003 bersama Tenas Effendy, Hasan Junus, dan Auzar Thaher), *Kepulauan Riau: Cagar Budaya Melayu* (Unri Press, Pekanbaru, 2003 bersama Hasan Junus dan Auzar Thaher), *Kemahiran Menulis* bersama Isnaini Leo Shanty (Unri Press, Pekanbaru, 2003), *Memelihara Warisan yang Agung* (Akar Indonesia, Yogyakarta, 2009), *Dermaga Sastra Indonesia* (Komodo Books, Jakarta, 2010, ditulis bersama beberapa penulis lain), dan buku terbarunya *Menjemput Tuah Menjunjung Marwah* (Komodo Books, Jakarta, 2012).

Beliau juga menjadi penulis tetap “Kolom Budaya”, Surat Kabar *Batam Pos Minggu* dan menjadi penulis lepas untuk pelbagai media lain di Indonesia.